

Tarikh Dibaca: 1 SYAWAL 1440H

KHUTBAH EIDUL FITRI

Tajuk:

***“MENGHAYATI KEMERIAHAN EIDUL
FITRI”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“MENGHAYATI KEMERIAHAN EIDUL FITRI”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا
أَنْ هَدَانَا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تُموتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Hadirin Jemaah Eidul Fitri yang dirahmati Allah,

Di pagi 1 Syawal yang penuh kemenangan dan kemeriahan ini, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan ke hadrat Allah SWT, iaitu melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Tajuk khutbah Eidul Fitri pada kali ini ialah “**MENGHAYATI KEMERIAHAN EIDUL FITRI.**”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

Hadirin Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Hari ini adalah hari yang dinanti oleh Umat Islam sebagai hari kemeriahan. Hari kemeriahan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kerana kita telah berjaya menjalani ibadah puasa Ramadhan dengan sempurna. Inilah nikmat kemenangan yang Allah kurniakan kepada kita yang disambut dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan. Kita diharamkan berpuasa pada hari ini juga adalah bagi tujuan menikmati kegembiraan yang dianugerahkan oleh Allah kerana kejayaan berpuasa selama sebulan.

Kegembiraan umat Islam bukanlah kegembiraan yang biasa, tetapi kegembiraan yang didahulukan dengan membesarkan Allah, melalui alunan takbir yang dilaungkan bermula malam tadi. Memuji dan membesarkan Allah kerana kejayaan melaksanakan ketaatan disepanjang Ramadhan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185:



وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَانَكُمْ

وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

“Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadhan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.”

Kemeriahan dan kegembiraan Eidul Fitri ini juga telah disebut dan dijanjikan oleh Rasulullah SAW bahawa orang berpuasa akan dianugerahkan kegembiraan ketika berbuka setelah selesai berpuasa. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ
بِفِطْرِهِ، وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ

“Dan bagi orang yang berpuasa itu mempunyai dua kegembiraan yang dinikmatinya, iaitu ketika berbuka puasa, dia bergembira dengan makanannya, dan apabila bertemu dengan tuhanNya, dia bergembira dengan puasanya.”

(Riwayat al-Bukhari).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi sekalian,

Kemeriahan dan kegembiraan Eidul Fitri hendaklah disambut dengan ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah. Janganlah dicemari sambutan Hari



Lebaran ini dengan sebarang perkara berbentuk maksiat. Jangan lenyapkan pahala puasa, tarawih dan tadarus di bulan Ramadhan dengan perbuatan keji dan mungkar di bulan Syawal.

Sebaliknya, kemeriahan Eidul Fitri ini hendaklah kita sambut dan rayakan dengan amalan-amalan mulia yang menjanjikan keredhaan Allah SWT.

Alhamdulillah, di awal pagi ini, kita telah mulakan kemeriahan Eidul Fitri dengan mengamalkan perkara-perkara disunatkan seperti membersihkan diri, memakai pakaian baru atau indah dan wangian yang harum serta menjamah sedikit makanan sebelum keluar untuk menunaikan solat sunat Eidul Fitri.

Al-Imam al-Syafie pernah berkata: *“Aku lebih menyukai seseorang memakai pakaian terbaik yang dimilikinya pada hari-hari raya. Dia hendaklah memakai baju yang bersih dan memakai wangi-wangian.”*

Anas bin Malik Radhiallahu Anhu pernah meriwayatkan antara perkara yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di pagi raya dengan katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى
يَأْكُلَ تَمْرَاتٍ

“Rasulullah SAW tidak keluar untuk solat sunat Eidul Fitri melainkan setelah makan beberapa biji tamar terlebih dahulu.”

(Riwayat al-Bukhari).

Selesai menikmati sedikit jamuan di pagi raya, kita sama-sama tanpa mengira tua atau muda, lelaki atau perempuan keluar untuk menunaikan



solat sunat Eidul Fitri. Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma ada menjelaskan bahawa:

إِنَّ النَّبِيَّ ﷺ خَرَجَ يَوْمَ الْفِطْرِ فَصَلَّى رَكَعَتَيْنِ

“Sesungguhnya Nabi SAW telah keluar pada hari raya Eidul Fitri, kemudian terus mengerjakan solat sunat hari raya dua rakaat.”

(Riwayat al-Bukhari).

Kita juga disunatkan melalui jalan yang berbeza ketika pergi dan balik dari mengerjakan solat hari raya supaya dapat bertemu seramai mungkin umat Islam bagi menunjukkan kegembiraan dan kemeriahan Eidul Fitri. Jabir bin Abdullah Radhiallahu Anhu telah berkata:

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا كَانَ يَوْمَ عِيدٍ خَالَفَ الطَّرِيقَ

“Nabi SAW apabila berjalan pada hari raya, ia menggunakan jalan yang berbeza.”

(Riwayat al-Bukhari)

Hadirin dan hadirat yang berbahagia,

Pada hari yang mulia ini juga, rebutlah peluang menyambut kemeriahan ini dengan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dengan doa dan ucapan. Apabila bertemu sesama muslim lafazkanlah ucapan **تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكَ** iaitu semoga Allah menerima amalan kami dan juga kamu sebagaimana yang telah dilakukan oleh para sahabat Nabi Ridwanullahu Alaihim ketikamana bertemu sesame mereka.



Malah untuk memeriahkan lagi dan mengukuhkan ikatan persaudaraan yang sedia terjalin lebih-lebih lagi ikatan kekeluargaan, umat Islam digalakkan menjamu dan menikmati juadah hari raya dengan penuh kesyukuran.

Di samping itu, suburkanlah budaya ziarah-menziarahi dan bermaafan sesama keluarga, sahabat handai dan jiran tetangga untuk memperkukuhkan lagi hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam. Bahkan lebih dituntut untuk kita menziarahi kenalan ibubapa sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ أَبْرَّ الْبِرِّ صَلَةُ الْوَالِدِ أَهْلَ وَدِّ أَبِيهِ

“Sesungguhnya sebaik-baik kebaikan ialah seseorang anak menghubungkan silaturrahim dengan kenalan ibubapanya.”

(Riwayat Muslim).

Kemeriahan yang dirasai hendaklah dikongsi bersama. Janganlah lupa kepada golongan yang susah, uzur, fakir, miskin dan anak-anak yatim dan sebagainya dengan cara menghulurkan bantuan dan sumbangan berbentuk kewangan dan makanan kepada mereka kerana mereka juga berhak untuk menikmati kegermbiraan dan kemeriahan menyambut hari raya yang mulia ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,



Kemeriahan Eidul Fitri akan lebih dirasakan oleh umat Islam yang ikhlas beribadah, yang sentiasa melakukan kebaikan, tanpa henti memohon keampunan kepada Allah, yang menghindari perkara keji dan mungkar serta yang sangat cintakan perpaduan dan persaudaraan.

Bagaimana seseorang akan merasa bahagia di hari raya Eidul Fitri jika ia meninggalkan solat fardhu? Bagaimana seseorang akan merasa meriah di hari raya Eidul Fitri jika ia tidak berpuasa di bulan Ramadan? Bagaimana seseorang akan merasa gembira di hari raya Eidul Fitri jika ia menderhaka kepada ibubapa? Sedangkan hari raya yang sebenar hanyalah untuk orang-orang yang bertakwa dan melakukan amal soleh.

Raja Ali Haji pernah berkata:

Dengan bapa jangan derhaka,
Supaya Allah tidak murka,
Dengan ibu hendaklah hormat,
Supaya badan dapat selamat.

Semoga takbir, tasbih, tahmid dan tahlil yang diucapkan serta amalan-amalan mulia yang dikerjakan menjadi bukti kesyukuran kita kepada Allah dan kekal faedahnya hingga ke hari akhirat.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah Eidul Fitri ini, marilah kita mengambil iktibar dan ibrah dari khutbah ini sebagai panduan hidup kita:



1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Eidul Fitri adalah hari kemenangan dan kemeriahan bagi orang-orang yang bertaqwa dan mendapat keampunan Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah menghayati Eidul Fitri dengan penuh kesyukuran dan ketaatan kepada segala syariat dan perintah Allah.
3. Umat Islam hendaklah memperkukuhkan hubungan silaturrahim melalui budaya ziarah menziarahi sesama muslim.
4. Umat Islam hendaklah menjaga keselamatan daripada sebarang mudarat dan bahaya termasuk keselamatan diri, keluarga, harta benda dan jalan raya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ۖ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى

“Sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang Soleh), dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mangerjakan sembahyang (dengan khusyuk).”

(Surah al-A’la : 14-15).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيَّ أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ بِنِعْمَةٍ
الصِّيَامِ وَجَعَلَ الْعِيدَ بَهْجَتَهَا عَلَيَّ مَدَى السِّنِينَ
وَالْأَيَّامِ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



Muslimin dan Muslimat Yang Dikasihi Allah Sekalian,

Di samping kita meraikan hari raya yang merupakan hari kemenangan untuk umat Islam ini, kita juga perlu memberi perhatian kepada persekitaran yang merupakan anugerah Allah yang amat bernilai kepada kesejahteraan hidup kita. Islam memerintahkan kita supaya menjaga kebersihan kawasan persekitaran, menghindari penggunaan plastik pakai buang, tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan mengamalkan kitar semula serta mengelakkan pencemaran udara. Mudah-mudahan semua ini dapat menjamin suasana kehidupan kita yang sihat dan sejahtera, serta kemeriahan hari raya yang kita sambut hari ini lebih bermakna.

Marilah kita memperbanyakkan doa dan selawat kepada Nabi Muhammad SAW seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا،
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَهٗ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اءِرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ
ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عِبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اءِرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحِ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
